

# UMS akan wujud cawangan di Keningau

DE 10/09/2011 1

## Bernard Yaang

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman pada Jumaat berkata, pembinaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) cawangan Keningau akan dimulakan tidak lama lagi ekoran kelulusan peruntukan untuk membinanya baru-baru ini.

Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi atas peruntukan itu, katanya, sambil menambah, Kerajaan Negeri juga bersedia untuk meluluskan permohonan UMS untuk mendapatkan lebih banyak kawasan tanah di mana kampus cawangan itu hendak dibina.

Menurut beliau, tanah seluas 30-ekar telah dikenal pasti di Apin-Apin, Keningau.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program "Ikrar dan Aku Janji" untuk pelajar baharu UMS di Dewan Canselor.

"Jadi, saya harap para pelajar akan mengambil peluang keemasan itu untuk belajar dengan tekun bagi mencapai kejayaan kerana ini adalah harapan ibu bapa, keluarga, negeri dan negara mereka," katanya.

Beliau berkata, juga menjadi hasrat negara untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan bijak.

Naib Canselor Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon berkata, apabila siap, kampus UMS Keningau itu akan dijadikan Pusat Asasi Sains.

Katanya, kebanyakan pelajar yang diterima masuk ke universiti itu mengambil kursus aliran sastera.

"Adalah menjadi aspirasi dan dasar Kerajaan untuk mempunyai 60 peratus program sains kerana kita mempunyai jumlah pelajar sains yang agak rendah," katanya.

Dengan itu, pusat asasi sains itu akan berusaha untuk mengatasi kekurangan itu, katanya.

UMS cawangan Keningau itu, katanya, selain daripada berfungsi sebagai pusat asasi sains, juga akan menjadi pusat untuk penyelidikan pertanian dan pusat penternakan kerbau dan kambing.

De Kamaruzaman berkata, institut pengajian tinggi itu berminat untuk memajukan cawangannya di Keningau itu sebagai pusat kecemerlangan pertanian.

Atas sebab itulah, katanya, mereka memerlukan kawasan tanah yang lebih luas untuk melaksanakan program pertanian.



MUSA ketika tiba pada majlis itu.

Mengenai perkembangan lain, Musa berkata, UMS juga dalam proses membina sebuah Hospital Universiti di kampus induknya.

Apabila siap, katanya, ia boleh membantu Sekolah Perubatan UMS.

Kamaruzaman berkata, sekolah perubatan itu sudah siap kecuali bagi blok klinikal di mana pelajar menjalankan latihan di hospital itu.

"HQE pada masa ini masih dalam pengubahsuaian dan dengan pembinaan Hospital Universiti itu, para pelajar boleh dilatih di situ," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa berkata, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi keutamaan kepada UMS dalam pembinaan hospitalnya.

Sementara itu, Musa berkata, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan usaha memajukan dan meningkatkan

tahap pengajian tinggi di Sabah.

Ini termasuk pembinaan infrastruktur moden seperti Hab Pendidikan Sandakan, katanya.

Semua ini, katanya, adalah untuk menjana modal insan berkualiti dengan minda kelas pertama bagi menambahbaik kecemerlangan pelajar dan juga rakyat.

Dengan itu, beliau menggesa para pelajar baharu itu supaya meningkatkan keyakinan diri mereka, mematuhi peraturan kampus dan mengamalkan nilai-nilai agama dan budaya.

Beliau berkata, peranan mereka, yang paling penting adalah untuk memperoleh pengetahuan maka mereka tidak seharusnya menghampakan harapan ibu bapa dan keluarga mereka.

Kemasukan pelajar ke UMS itu juga, katanya, mencerminkan harapan Kerajaan dan rakyat untuk menjadikan negara lebih maju dan berjaya pada masa akan datang.